Pernyataan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS)

dan

Standard di bawah Seksyen 29(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Seksyen 33E(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP)

tentang

Pengenaan Fi Pendahuluan Tunai dan Fi Tahunan Kad Kredit-i serta Perkara Berbangkit berhubung dengan Kad Kredit-i *Ujrah* dan *Tawarruq*

Bahagian I: Pernyataan MPS menurut seksyen 52(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009

MPS dalam mesyuarat ke-221 bertarikh 29 Mac 2022, mesyuarat yang ke-229 bertarikh 30 Mac 2023 dan mesyuarat yang ke-250 bertarikh 27 Ogos 2025 telah menetapkan perkara yang berikut:

Fi Pendahuluan Tunai, Fi Tahunan dan Keutamaan Penyelesaian Baki Kad Kredit-i

1. Pengenaan fi bagi perkhidmatan pendahuluan/pengeluaran tunai hendaklah berdasarkan kos tetap dan/atau peratusan yang hanya merangkumi kos langsung sebenar yang ditanggung oleh institusi kewangan Islam (IKI) yang menawarkan perkhidmatan, tanpa sebarang elemen keuntungan atau tokokan (*mark-up*). Kaedah penentuan kos sebenar boleh dibuat berdasarkan anggaran yang munasabah sekiranya terdapat kesukaran untuk menentukan kos sebenar.

2. Pengenaan fi tahunan yang berbeza bagi jenis-jenis kad kredit-i yang menawarkan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang berbeza adalah dibenarkan, tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:
   (i) Fi yang dikenakan mestilah merupakan imbalan bagi keseluruhan manfaat secara kolektif (*bundled benefits*) dan bukan semata-mata berdasarkan manfaat monetari seperti pulangan tunai (*cashback*) dan rebat; dan
   (ii) Manfaat monetari hendaklah tidak menjadi asas untuk membezakan fi tahunan setiap jenis kad.

3. Penyelesaian baki (iaitu item yang tertera pada penyata) mengikut kadar keuntungan atau fi, dengan item yang mempunyai kadar keuntungan atau fi tertinggi dibayar dahulu, adalah patuh Syariah.

Pengiraan *Ibra'* ke atas *Ujrah* dan Pengenaan Caj Kompaun dalam Kad Kredit-i berasaskan *Ujrah*

1. Pengiraan rebat (*ibra'*) bagi pengenaan *ujrah* efektif/sebenar berdasarkan baki tertunggak hutang hasil daripada kontrak pinjaman (*qard*) adalah tidak dibenarkan.

2. *Ujrah* dan caj lewat bayar tidak boleh dikira secara kompaun (*compounded*).

Adaptasi Fiqah (*takyif fiqhi*) bagi Hasil *Tawarruq* dan Pembayaran Balik (*Repayment*) oleh Pemegang Kad dalam Kad Kredit-i Berasaskan *Tawarruq*

1. *Takyif fiqhi qard, wadi`ah yad amanah, dayn, rahn* dan *wakalah bi al-daf`* (wakil pembayaran) bagi hasil *tawarruq* dan pembayaran balik seterusnya oleh pemegang kad (selepas penggunaan kad) adalah dibenarkan.
2. Tiada elemen *qard jarra naf`an* (pinjaman yang memberikan manfaat kepada pemberi pinjaman) dalam *takyif fiqhi qard* memandangkan pinjaman tersebut bersifat sampingan (*incidental*) dan diadaptasi semata-mata untuk memudahkan operasi kredit pusingan.
3. IKI hendaklah memastikan pengoperasian produk kad kredit-i berasaskan *tawarruq*, termasuk dokumentasi perundangan dan pengolahan perakaunan, adalah selaras dengan *takyif fiqhi* yang diluluskan.

Bahagian II: Peruntukan Undang-Undang dan Pemakaiannya

2.1 Bahagian 1 Pernyataan MPS dibuat menurut seksyen 52(1)(b) dan seksyen 55(1) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM).

2.2 Bank Negara Malaysia (BNM) menetapkan Bahagian 1 Pernyataan MPS ini sebagai standard di bawah seksyen 29(1) APKI dan seksyen 33E(1) AIKP, berkuat kuasa 3 Julai 2026 dan terpakai pada IKI yang berikut:

(i) bank Islam berlesen di bawah APKI;
(ii) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam; dan
(iii) institusi yang ditetapkan dan diluluskan di bawah seksyen 33B(1) AIKP untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

2.3 Pernyataan MPS ini hendaklah dibaca bersama dengan instrumen perundangan lain yang berkaitan serta dokumen dasar yang diterbitkan oleh BNM, khususnya *Credit Card and Credit Card-i Policy Document* yang diterbitkan pada 19 Disember 2025 (termasuk pindaan dari semasa ke semasa).

Bahagian III: Latar Belakang

Kad kredit-i berasaskan ujrah

3.1. Produk kad kredit-i berasaskan *ujrah* terdiri daripada dua kontrak Syariah utama iaitu *qard* dan *ujrah*. *Qard* merujuk kemudahan kredit yang ditawarkan oleh IKI kepada pemegang kad, manakala *ujrah* dikenakan ke atas perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan.

3.2. MPS pada mesyuarat ke-77 bertarikh 3 Julai 2008 dan mesyuarat ke-78 bertarikh 30 Julai 2008 telah memutuskan bahawa kad kredit-i berasaskan *ujrah* adalah dibenarkan, tertakluk pada syarat-syarat tertentu.[1]

3.3. Namun timbul persoalan yang berbangkit daripada amalan semasa dalam pasaran sama ada –

(i) Syariah membenarkan mekanisme pengiraan *ibra'* bagi pengenaan *ujrah* efektif/sebenar dalam produk kad kredit-i berasaskan *ujrah* yang berdasarkan baki tertunggak hutang hasil daripada kontrak *qard*;

(ii) Syariah membenarkan pengenaan fi pendahuluan/pengeluaran tunai berdasarkan peratusan amaun pendahuluan; dan

(iii) kompaun boleh dikenakan terhadap *ujrah* dan caj lewat bayar.

Kad kredit-i berasaskan tawarruq

3.4. Struktur kad kredit berasaskan *tawarruq* melibatkan pelaksanaan transaksi *tawarruq* antara pelanggan dengan IKI bagi tujuan penyediaan had kredit kepada pelanggan. Melalui pelaksanaan *tawarruq*, pelanggan memperoleh amaun pembiayaan yang digunakan sebagai had kad kredit. Pada akhir tempoh pembiayaan, pelanggan dikehendaki membayar balik harga jualan *tawarruq* kepada IKI, dan IKI boleh memberikan *ibra'* ke atas amaun harga jualan berdasarkan had kredit yang tidak digunakan.

3.5. Struktur produk kad kredit-i berasaskan *tawarruq* telah diluluskan oleh MPS pada mesyuarat ke-106 bertarikh 28 Oktober 2010.

3.6. Bagi produk kad kredit-i *tawarruq*, timbul beberapa isu yang berbangkit daripada amalan pasaran berhubung dengan –

(i) pengaturan hasil *tawarruq* dan pembayaran balik oleh pemegang kad (selepas penggunaan kad);

(ii) fi pendahuluan tunai kad kredit-i berasaskan *tawarruq* yang dikenakan dalam bentuk peratusan atau fi tetap;

---

[1] Kad kredit yang berasaskan konsep *ujrah* adalah dibenarkan, tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:

(i) IKI hendaklah memastikan *ujrah* yang dikenakan merupakan tukaran kepada perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan sebenar (*non-fictitious*) yang berlandaskan Syariah;

(ii) Pengenaan kadar *ujrah* yang berbeza bagi jenis kad kredit yang menawarkan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang berbeza adalah dibenarkan;

(iii) Pengenaan *ujrah* bagi perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang tidak berkaitan dengan pemberian *qard*, penangguhan hutang dan pertukaran tunai dengan tunai pada nilai berbeza adalah dibenarkan; dan

(iv) Pengenaan *ujrah* bagi perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang berkaitan dengan pemberian *qard*, penangguhan hutang dan pertukaran tunai dengan tunai pada nilai berbeza adalah tidak dibenarkan. Namun demikian, caj bagi menampung kos sebenar (*nafaqah/taklufah*) pengendaliannya boleh dikenakan.

(iii) perbezaan fi tahunan berdasarkan jenis kad, bagi menikmati manfaat berbeza termasuk manfaat monetari; dan
(iv) keutamaan pembayaran bagi penyelesaian baki, dengan item yang mempunyai kadar keuntungan atau fi tertinggi dibayar dahulu.

3.7. Dalam hal ini, MPS dirujuk berhubung empat isu Syariah di atas.

Bahagian IV: Perbincangan Utama

Pengenaan Fi Pendahuluan Tunai dalam Amalan Semasa Kad Kredit-i Berasaskan Ujrah

4.1 Terdapat amalan pasaran yang berbeza berhubung dengan pengenaan fi perkhidmatan pendahuluan tunai. Sebahagian IKI (contohnya IKI A dalam **Jadual 1** di bawah) mengenakan fi berdasarkan peratusan tertentu daripada amaun pendahuluan tunai atau kadar rata minimum, mana-mana yang lebih tinggi. Sebahagian IKI yang lain (contohnya IKI B dalam **Jadual 1**) mengenakan fi kadar rata tanpa mengambil kira amaun pendahuluan tunai. Contoh IKI A (pada Jadual 1) menunjukkan pengenaan fi yang meningkat selaras dengan jumlah pendahuluan tunai, manakala contoh bagi IKI B (pada Jadual 1) menunjukkan pengenaan fi yang tidak terikat dengan jumlah yang didahulukan. Ilustrasi contoh pengiraan fi perkhidmatan pendahuluan tunai adalah seperti yang berikut:[2]

	Amaun Pendahuluan Tunai	Kadar Rata	Kadar Peratusan	Fi yang dikenakan
IKI A	RM400	RM18	2% (RM8)	RM18
	RM1000	RM18	2% (RM20)	RM20
IKI B	RM200	RM20	Tiada	RM20
	RM1000	RM20	Tiada	RM20

Jadual 1: *Ilustrasi contoh fi perkhidmatan pendahuluan tunai*

4.2 *Qard* yang diberikan oleh IKI kepada pemegang kad dalam perkhidmatan pendahuluan tunai berlaku apabila pemegang kad membuat pengeluaran tunai di mesin juruwang automatik (*Automated Teller Machine*, ATM). Dalam struktur apabila fi perkhidmatan pendahuluan tunai ditentukan berdasarkan jumlah pendahuluan tunai (seperti yang diilustrasikan oleh IKI A dalam **Jadual 1**), isu *qard jarra naf`an* boleh timbul sekiranya fi perkhidmatan

[2] Contoh yang diberikan hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menggambarkan amaun atau kadar sebenar fi perkhidmatan pendahuluan/pengeluaran tunai.

pendahuluan tunai melebihi kos sebenar yang ditanggung oleh IKI. Kiraan kos sebenar boleh dibuat secara anggaran yang munasabah tanpa mengandungi elemen keuntungan atau tokokan (*mark-up*), jika terdapat kesukaran untuk menentukan kos sebenar secara tepat bagi setiap pengeluaran tunai.

Pengenaan Fi Pendahuluan Tunai Dalam Amalan Semasa Kad Kredit-i Berasaskan Tawarruq

4.3 *Takyif fiqhi* bagi fi pendahuluan tunai diklasifikasikan sebagai *ujrah* yang dikenakan oleh IKI kepada pemegang kad apabila wang tunai dikeluarkan daripada akaun kad kredit-i berasaskan *tawarruq*. Fi yang dikenakan ini merupakan pendapatan yang berbeza dan berasingan daripada keuntungan harga jualan komoditi *tawarruq* yang ditetapkan oleh IKI.

4.4 Secara prinsip, penetapan kadar *ujrah* adalah dibenarkan selagi mana perkhidmatan tersebut bukan imbalan kepada *qard* atau pinjaman yang diberikan oleh IKI. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan pengenaan caj pendahuluan tunai bagi akaun deposit dan kad kredit-i berasaskan *tawarruq* yang kelihatan tidak konsisten meskipun kedua-duanya membawa *takyif fiqhi* yang sama, iaitu pengeluaran tunai yang dimiliki oleh pemegang kad (bukan *qard* daripada IKI).

4.5 Pelaksanaan yang tidak konsisten ini menimbulkan persepsi bahawa secara hakikatnya, kad kredit berasaskan *tawarruq* beroperasi sama seperti *qard* dengan pengaturan transaksi *tawarruq* hanya sebagai simbolik atau aturan formal (*suriyy*). Bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya pertikaian dari sudut *takyif fiqhi* untuk kad kredit berasaskan *tawarruq*, serta bagi memastikan keadilan dan kemaslahatan pemegang kad, IKI hendaklah mematuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh BNM apabila mengenakan caj pendahuluan wang tunai.

Perbezaan fi tahunan berdasarkan jenis kad dengan manfaat berbeza (termasuk manfaat kewangan)

4.6 Selain fi pendahuluan tunai, fi tahunan juga merupakan *ujrah* (fi perkhidmatan) yang dikenakan ke atas pemegang kad terhadap jenis-jenis kad yang berbeza. Pengenaan fi tahunan ditentukan berdasarkan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang ditawarkan bagi setiap jenis kad.

4.7 Secara asasnya, sebarang perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang dikenakan fi (*ujrah*) hendaklah tidak menjurus kepada *riba*. Khususnya, manfaat yang bersifat monetari seperti pulangan tunai (yang diklasifikasikan sebagai *hibah* (hadiah) daripada IKI kepada pemegang kad), hendaklah tidak tertakluk pada fi. Hal ini kerana pengenaan fi ke atas manfaat monetari boleh membawa kepada elemen pertukaran tunai dengan tunai pada kadar berbeza (*riba fadhl*) yang ditegah oleh Syariah.

Takyif fiqhi qard dalam kad kredit-i berasaskan *ujrah*

4.8 Kontrak *qard* merupakan salah satu kontrak yang menjadi tujuan utama atau asal (bukan insidental) produk kad kredit-i berasaskan *ujrah*. *Qard* berlaku apabila IKI mendahulukan bayaran kepada peniaga ketika pembelian dibuat oleh pemegang kad runcit atau korporat. Pemegang kad dikehendaki membayar kembali hutang yang terbit daripada *qard* tersebut kepada IKI mengikut tempoh yang telah dipersetujui bersama.

4.9 Secara umumnya, pengiraan *ujrah* bagi pembelian runcit/korporat menggunakan produk kad kredit-i berasaskan *ujrah* yang ditawarkan oleh IKI merangkumi tiga komponen utama, iaitu:


(i) Fi pengurusan tetap (*fixed management fee*, FMF) – dikenakan ke atas perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diperuntukkan kepada pemegang kad.

(ii) Fi pengurusan efektif/sebenar (*actual management fee*, AMF[3]) – dikenakan ke atas amaun tertunggak yang terhasil daripada hutang transaksi runcit/ korporat dan pendahuluan tunai yang belum djelaskan.

(iii) *Ibra'* – dikira berdasarkan perbezaan antara (a) fi pengurusan tetap dengan (b) fi pengurusan efektif/sebenar di atas (jika fi pengurusan efektif/sebenar lebih rendah daripada fi pengurusan tetap).

Pengiraan ujrah dan ibra' untuk kad kredit-i berasaskan ujrah mengikut amalan semasa

4.10 Ilustrasi contoh pengiraan *ibra'* dan AMF ditunjukkan dalam **Rajah 1** di bawah:[4]



Rajah 1: *Ilustrasi contoh pengiraan ibra' dan AMF*


[3] Istilah yang digunakan berbeza-beza mengikut IKI, contohnya fi pengurusan sebenar (*actual management fee*), fi pengurusan bulanan sebenar (*actual monthly management fee*), caj kemudahan tahunan (*yearly facility charges*) dan istilah lain yang mempunyai makna yang sama.

[4] Contoh yang diberikan hanyalah untuk tujuan ilustrasi dan tidak menggambarkan amaun atau kadar sebenar FMF, AMF atau *ibra'* dalam pasaran.

4.11 *Ujrah* yang dikenakan pada asalnya bersifat tetap dan merupakan timbal balik kepada perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan bagi pemegang kad. Walau bagaimanapun, sekiranya *ibra'* yang diberikan oleh IKI (bagi penentuan amaun *ujrah* efektif/sebenar) dikira berdasarkan baki tertunggak *qard*, keadaan ini menimbulkan elemen *qard jarra naf`an*. Amalan seperti ini ditegah oleh Syariah kerana *ujrah* secara efektifnya dikenakan ke atas amaun *qard* itu sendiri.

Takyif fiqhi bagi hasil tawarruq dan bayaran balik oleh pemegang kad bagi kad kredit-i berasaskan tawarruq

4.12 Selepas selesai pengaturan *tawarruq* antara pemegang kad dengan IKI, hasil (*proceeds*) daripada *tawarruq* akan dikreditkan ke dalam satu akaun khas untuk kegunaan pemegang kad (rujuk **rajah 2** di bawah). Pemegang kad boleh menggunakan dana ini untuk transaksi seperti pengeluaran tunai dan pembayaran runcit. Seterusnya, sebarang bayaran balik yang dibuat oleh pemegang kad kepada IKI akan dikreditkan semula ke dalam akaun khas tersebut bagi membolehkan penggunaan seterusnya.



***Rajah 2**: Rajah ilustrasi transaksi kad kredit-i berasaskan tawarruq*

4.13 Sehubungan dengan itu, IKI telah mencadangkan beberapa *takyif fiqhi* berhubung dengan hasil *tawarruq* dan mekanisme bayaran balik oleh pemegang kad. Antara *takyif fiqhi* yang dipertimbangkan termasuk *qard, wadi`ah yad amanah, dayn, rahn* dan *wakalah bi al-daf`.*

4.14 Berhubung dengan *takyif fiqhi qard*, elemen *qard jarra naf`an* mungkin boleh timbul apabila jumlah pemberian *qard* (pinjaman) oleh pemegang kad kepada IKI mempengaruhi kadar pemberian *ibra'* oleh IKI pada tempoh matang *tawarruq*. Pemberian *ibra*' ini adalah berdasarkan keperluan dalam *Credit Card and Credit Card-i Policy Document* (PD).

4.15 Cadangan penggunaan *takyif fiqhi qard* tidak mencerminkan tujuan asal kontrak kad kredit-i berasaskan *tawarruq*. Sebaliknya, *takyif fiqhi qard* hanya bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi melalui pelaksanaan kredit pusingan (*revolving credit*) supaya had kad

dapat dikembalikan kepada asal tanpa perlu melaksanakan transaksi *tawarruq* secara berulang kali.

4.16 Selain itu, tujuan asal pemberian *ibra'* adalah sebagai imbalan kepada bayaran awal hutang *tawarruq* oleh pemegang kad, dan bukan ke atas sebanyak mana jumlah *qard* yang diberikan oleh pelanggan.

4.17 Namun begitu, dari sudut pengoperasian dan pengolahan perakaunan, hasil *tawarruq* perlu direkodkan selaras dengan *takyif fiqhi* yang ditetapkan. Di samping itu, makluman berkenaan pelaksanaan kredit pusingan hendaklah dizahirkan dengan jelas kepada pemegang kad dalam dokumentasi bagi memastikan kontrak adalah sah dan dipersetujui antara kedua belah pihak yang berkontrak.

Keutamaan pembayaran bagi kategori transaksi yang mengenakan caj untung tertinggi

4.18 Keutamaan pembayaran bagi kategori transaksi yang mengenakan caj untung tertinggi seperti yang dinyatakan dalam *Credit Card and Credit Card-i* PD adalah bertujuan untuk memastikan keadilan serta memastikan kemaslahatan kedua-dua pihak yang berkontrak dengan cara mengelakkan beban hutang yang tinggi dan berpanjangan kepada pemegang kad. Pendekatan ini selari dengan prinsip asas Syariah, terutamanya matlamat untuk mengelakkan kemudaratan (*dharar*) dan memastikan layanan yang saksama dalam hubungan berkontrak.

Bahagian V: Asas Pertimbangan Pernyataan MPS

Syariah melarang pemberian sebarang manfaat kepada pemiutang (pemberi qard) yang diletakkan sebagai syarat

5.1. Pengenaan *ujrah* ke atas amaun *qard* (dalam situasi pembelian runcit/korporat) dan fi ke atas amaun pendahuluan, jika melebihi kos sebenar, termasuk dalam manfaat kepada pemiutang yang dilarang oleh Syariah. Hal ini berdasarkan hadis yang berikut:

عن علي رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: كل قرض جر منفعة فهو ربا[5]

"Daripada Ali r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: 'Setiap qard yang memberi manfaat (kepada pemberi qard) adalah riba.'"

[5] Abu Bakar Ahmad al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kabir*, Markaz Hijr, Kaherah, 2011, j. 11, h. 291. Ibn Hajar al-`Asqalani, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*, Matba`ah Salafiyyah, 1928, h. 176.
Hadis ini dhaif dan mawquf dari segi sanad. Walau bagaimanapun, maksud hadis diterima oleh kesepakatan para fuqaha dan dirujuk sebagai satu kaedah fiqh dalam rujukan-rujukan fiqh utama seperti yang berikut:
- Ibn Qudamah, *al-Mughni*, j. 6, h. 436
- Ibn `Abidin, *Radd al-Muhtar*, j. 5, h. 166
- al-Nawawi, *al-Majmu`*, j. 9, h. 432

Pertimbangan sesuatu kontrak adalah berdasarkan niat dan matlamat pihak yang berkontrak

5.2. Walaupun kontrak *ujrah* dan *qard* dibenarkan dan terpisah antara satu sama lain, *ibra'* yang diberikan oleh IKI (untuk menetapkan *ujrah* efektif/sebenar) dikira berdasarkan baki tertunggak hutang yang berpunca daripada kontrak *qard*. Situasi ini mempunyai unsur *qard jarra naf`an* yang dilarang oleh Syariah kerana *ujrah* secara efektifnya dikenakan ke atas amaun *qard* itu sendiri. Hal ini selaras dengan kaedah fiqah yang berikut:

العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني[6]

"Pertimbangan bagi penentuan sesuatu kontrak adalah berdasarkan matlamat dan maksud, bukannya lafaz dan perkataan."

Larangan ujrah dan caj lewat bayar secara kompaun berdasarkan pertimbangan tadbir urus Syariah (siyasah syar`iyyah) dan belas ihsan

5.3. Larangan *ujrah* dan caj lewat bayar terkompaun adalah berdasarkan pertimbangan tadbir urus Syariah (*siyasah syar`iyyah*) iaitu pihak pengawal selia boleh menentukan dasar yang sewajarnya bagi menjaga kepentingan pihak yang berkontrak. Hal ini selari dengan kaedah fiqah yang berikut:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة[7]

"Urusan pemimpin ke atas rakyat hendaklah berpaksikan kepentingan orang ramai (maslahah)."

5.4. Islam menggalakkan prinsip ihsan dalam semua perkara termasuklah transaksi kewangan (muamalat). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan (ihsan)..."[8]

5.5. Penggunaan prinsip ihsan adalah bersesuaian apabila memberikan bantuan dan kelonggaran kepada mereka yang mengalami kesulitan dengan meringankan beban yang ditanggung. Rasulullah SAW turut menyarankan untuk melakukan ihsan dalam semua perkara, sebagaimana hadis yang berikut:

---

[6] *Al-Kasani*, *Badai` al-Sanai`*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, j. 4, h.134; Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah,* Dar al-Qalam, 1989, h. 55.

[7] Al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Naza'ir*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 1982, h. 121.

[8] Surah al-Nahl, ayat 90.

عن أبي يعلى شداد بن أوس رضي الله عنه عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال:

إن الله كتب الإحسان على كل شيء[9]

"Daripada Abu Ya`la Syaddad bin Aus RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: 'Sesungguhnya Allah menetapkan ihsan pada tiap sesuatu.'"

Keharusan gabungan antara qard dengan ibra' apabila berlaku secara tidak sengaja/insidental

5.6. Tiada elemen *qard jarra naf`an* dan *bai` wa salaf* dalam pengaturan hasil tawarruq dan bayaran balik oleh pemegang kad kerana *qard* tersebut bukan tujuan asal (*originally intended*) tetapi semata-mata untuk memudahkan operasi kredit pusingan. Hal ini adalah selari dengan kaedah fiqah:

يغتفر في العقود الضمنية ما لا يغتفر في الاستقلال[10]

يغتفر في الشيء ضمنا ما لا يغتفر فيه قصدا[11]

"Perkara yang dilarang jika dilakukan secara tersendiri (menjadi tujuan asal), boleh dimaafkan jika ia berlaku secara insidental atau tersirat."

5.7. Pemberian *ibra'* oleh IKI juga adalah bagi memenuhi keperluan pihak berautoriti (*Credit Card-i Policy Document*, selari dengan keputusan MPS ke-101[12] pada 20 Mei 2010) untuk mengelakkan ketidakpastian berhubung dengan hak pelanggan untuk menerima *ibra'* daripada IKI.

Penetapan kos sebenar bagi caj pengeluaran/pendahuluan tunai untuk kad kredit-i berasaskan tawarruq berdasarkan pertimbangan kepentingan awam (maslahah)

5.8. Penetapan kos sebenar bagi fi pengeluaran/pendahuluan tunai adalah berdasarkan pertimbangan kepentingan orang ramai (*maslahah*) dan keadilan kepada pemegang kad yang menggunakan kad kredit-i berasaskan *tawarruq*. Dalam hal ini, pengesahan kos sebenar boleh ditentukan oleh pihak berkuasa atau pengawal selia.

---

[9] Muslim, *Sahih Muslim,* Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut. j. 4, h. 2074, no. hadith 2699.

[10] Al-Zarkashi, *al-Manthur fi al-Qawaid Fiqhiyyah*, j. 3, h. 378.

[11] *Ibid.*

[12] MPS pada mesyuarat ke-101 bertarikh 20 Mei 2010 telah memutuskan bahawa Bank Negara Malaysia selaku pihak berkuasa boleh mewajibkan institusi perbankan Islam memberikan *ibra'* kepada penerima pembiayaan yang melunaskan hutang lebih awal bagi pembiayaan berdasarkan kontrak jual beli (seperti *bai` bithaman ajil* atau *murabahah*). Bagi mengelakkan ketidakpastian berhubung dengan hak penerima biaya untuk menerima *ibra'* daripada institusi perbankan Islam, Bank Negara Malaysia juga boleh mewajibkan agar pemberian *ibra'* tersebut dimasukkan sebagai salah satu klausa dalam dokumen pembiayaan. Penentuan formula *ibra'* akan diselaraskan oleh Bank Negara Malaysia.

Larangan perbezaan fi tahunan berdasarkan manfaat monetari semata mata berdasarkan larangan penukaran tunai dengan tunai pada nilai berbeza (riba al-fadhl)

5.9. Syarat supaya fi tahunan yang dikenakan hendaklah mencerminkan imbalan bagi keseluruhan manfaat secara kolektif dan bukan hanya ke atas manfaat monetari[13] adalah untuk mengelakkan *riba al-fadhl* berdasarkan hadis yang berikut:

عن عبادة بن الصامت رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم الذهَبُ بالذهب والفضة بالفضة والبر بالبر والشعير بالشعير والتمر بالتمر والملح بالملح مثلا بمثل سواء بسواء يدا بيد فإذا اختلفت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم إذا كان يدا بيد.[14]

"Maksudnya: "Daripada `Ubadah bin al-Samit (RA), beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: 'Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam hendaklah sama berat, sama sukatan, dan secara tunai (serah terima). Jika berlainan jenis, maka jual beli sesuka kamu asalkan secara tunai.'"

Bahagian VI: Implikasi Pernyataan MPS

6.1 Pernyataan MPS ini memberikan lebih kejelasan terhadap keputusan-keputusan MPS terdahulu berhubung dengan kad kredit-i berasaskan *ujrah* pada mesyuarat MPS ke-77 bertarikh 3 Julai 2008 dan mesyuarat ke-78 bertarikh 30 Julai 2008.

6.2 Pernyataan MPS ini juga memberikan kejelasan Syariah mengenai pelaksanaan kad kredit-i berasaskan *tawarruq* dalam pasaran semasa.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, versi bahasa Melayu akan diutamakan.

[13] Manfaat monetari termasuklah pulangan tunai dan rebat.

[14] Muslim, *Sahih Muslim,* Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut. j. 3, h. 1211, no. hadis 1587.